

Othman, Zakaria dipilih calon Pendang, Anak Bukit

UM 10 JUL 2002

ALOR SETAR 9 Julai — Barisan Nasional (BN) mencalonkan ahli politik berpengalaman iaitu Datuk Othman Abdul dan Datuk Zakaria Said, masing-masing bagi pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit pada 18 Julai ini.

Othman yang pernah menjadi wakil rakyat kawasan Parlimen itu selama tiga penggal adalah bekas Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, manakala Zakaria ialah bekas anggota Exco Kerajaan Negeri Kedah.

Pas pula yang akan mempertahankan kedua-dua kerusi itu menamakan muka baru, seorang doktor perubatan, Dr. Mohd. Hayati Othman, 44, untuk bertanding di Pendang dan seorang ahli perniagaan, Amiruddin Hamzah, 40, bagi kerusi Anak Bukit.

Amiruddin yang berkelulusan dalam bidang kejuruteraan pernah bertanding di kawasan Parlimen Langkawi pada pilihan raya umum lalu, tetapi tewas kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib dengan majoriti 6,547 undi.

Penamaan calon bagi kerusi Pendang akan diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pendang, manakala bagi Anak Bukit akan diadakan di Kompleks Bernas, Anak Bukit, esok.

Pemilihan kedua-dua calon BN diumumkan oleh Me-

nteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang juga Pengerusi BN negeri, di Bangunan Tunku di sini, hari ini.

Pengumuman calon Pas pula dilakukan oleh Pemangku Presiden parti, Datuk Seri Abdul Hadi Awang di Bangunan Pas Kedah, juga di sini.

Menurut Syed Razak, pemilihan Othman, 51, dan Zakaria, 58, telah dipersetujui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kita yakin kedua-dua calon ini akan mampu merampas kembali kedua-dua kawasan itu," katanya pada sidang akhbar selepas pengumuman berkenaan.

Othman merupakan bekas Ahli Parlimen kawasan sejak tahun 1986 tetapi tewas kepada Presiden Pas, Allahyarham Datuk Fadzil Noor pada pilihan raya umum 1999 dengan majoriti 2,939 undi.

Othman juga pernah menjadi Pengerusi Mara.

Zakaria pula pernah menjadi wakil rakyat selama tiga penggal berturut-turut mulai tahun 1982 di Anak Bukit dan Alor Janggas.

Pada tahun 1995, beliau memenangi kerusi Parlimen Kuala Kedah, dengan menewaskan Fadzil.

Bagaimanapun Zakaria tidak dipilih semula untuk bertanding pada pilihan raya umum lalu.

Pilihan raya kecil di kedua-dua kawasan tersebut

diadakan berikutan kematian Fadzil pada 23 Jun lalu.

Ketika ditanya apakah kriteria yang menyebabkan BN memilih dua calon berkenaan, Syed Razak berkata, ia adalah berdasarkan kepada keyakinan bahawa kedua-dua mereka mampu untuk meraih sokongan daripada pengundi dan diterima oleh rakyat.

"Mereka bukanlah tokoh politik asing bagi penduduk di kedua-dua kawasan berkenaan, oleh itu kita yakin BN akan mencapai kemenangan," katanya.

Sementara itu, Abdul Hadi pada sidang akhbar berkata, Mohd. Hayati dan Amiruddin dipilih selepas mendapat persetujuan dari Majlis Syura parti itu.

Beliau berkata, pemilihan kedua-dua calon itu akan memberi keuntungan kepada Pas memandangkan BN telah meletakkan dua calon yang sebelum ini 'telah ditolak' oleh rakyat.

Selain itu, katanya, Mohd. Hayati dan Amiruddin dikenali oleh rakyat di kedua-dua kawasan tersebut memandangkan mereka terlibat dalam banyak aktiviti masyarakat.

Kawasan Parlimen Pendang mempunyai 53,128 pemilih berdaftar manakala Dewan Undangan Anak Bukit yang terletak di bawah Parlimen Kuala Kedah mempunyai 19,399 pemilih berdaftar.